

ISSUE #49/3 OGOS 2025

# GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



Reza Lagi,  
Reza Lagi!

Kredit Foto ARMANFEBRYAN

"Pelakon Bukan Puppet, Tidak Ambil  
Tugas Sutradara"

# -Reza Rahadian

Aktor berkaliber Indonesia, Reza Rahadian menambah daftar dan koleksi baharu hasil kerja keras dalam belantika seni apabila dinobatkan dengan Award of Excellent Achievement di Malaysia Golden Global Awards (MGGA) 2025.

Anugerah berprestij itu diperoleh Reza menerusi penganjuran kali ke-8 2025 Malaysia International Film Festival (MIFFest) yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Penganugerahan tersebut sangat signifikan dengan pembabitan selama 20 tahun pemilik nama sebenar Reza Rahadian Matulessy itu.

Bayangkan, dalam dua dekad menjadi anak seni, Reza yang baru berusia 38 tahun telah terbabit dengan lebih 70 buah filem.

Maka tidak hairan jika munculnya 'kempen' Reza Lagi, Reza Lagi atau Filem-Filem Lokal Favorit Tanpa Reza Tayang Di Netflix digemakan Mei lalu.

Ia bukan satu penghinaan tetapi cara pemain industri seni Indonesia merayakan seorang Reza Rahadian yang kini bakatnya dikembangkan sebagai penulis buku pertama kali dan pengarah pada 2025.

"Saya sentiasa terbuka dengan diri sendiri. Saat saya mahu mengarah, seorang rakan bertanya 'benar mahu mengarah? Sudahlah, berlakon sahaja'" kongsinya saat forum yang turut disertai bintang Hong Kong, Jennifer Yu dan pengarah dari India, Rima Das di GSC MyTown hujung minggu lalu.

Pada saat tetamu dan dirinya sendiri tertawa dengan saranan tersebut, Reza menyambung bicara.

"Tapi saya sudah 20 tahun berlakon. Saya mahu bertumbuh dan melakukan sesuatu yang baharu."

"Tidak sangka saya jatuh cinta pada dunia pengarahan. Dan saya harap selepas ini tidak ramai yang minta saya hanya berlakon sahaja," katanya lagi sambil ketawa.



Kredit Foto ARMANFEBRYAN





Kredit Foto bagusbaskhoro



Kredit Foto ARMANFEBRYAN

## Bukan 'Kaki Adu'

Reza yang menghasilkan filem Pangku dan menerbitkan buku Mereka Yang Pertama turut berkongsi pengalaman sebagai seorang aktor.

Dengan 'jam terbang' yang cukup besar sebagai aktor daripada filem seperti Wanita Berkalung Sorban, Habibie & Ainun, My Stupid Boss dan Layangan Putus, dedah Reza beliau tidak pernah membaca skrip lebih daripada dua kali.

"Saya hanya akan membaca dua kali sahaja skrip dan kemudian berproses sendiri dengan karakter yang diberi. Lokasi penggambaran adalah playground saya."

"Saya suka bereksperimen, misalnya skrip menulis karakter saya begini, saya akan jadi yang lainnya."

"Saya suka magis yang berlaku. Pengarah memang bertanggungjawab untuk mengarah pelakon tetapi sebagai seorang pelakon saya juga perlu memberikan sesuatu kepada mereka."

"Pelakon bukan puppet tapi perlu bereksperimen," kongsi Reza.

Dan paling menarik, saat ditanya bagaimana sebagai seorang senior dengan segudang pengalaman seperti dirinya berhadapan rakan main kurang energi atau chemistry, Reza menjawab tanpa mendabik dada.

"Saya tidak akan pergi jauh. Bukan tugas saya untuk membetulkan rakan main saya. Saya juga tidak akan mengadu kepada pengarah 'dia begini atau dia begitu'."

"Saya menerima dan berusaha memanipulasi diri dan situasi. Saya tetap berkarya," jawab Reza. - MALIAH SURIP

## Sihir, Gangguan Mistik Usahawan Selebriti: Realiti Atau Ujian?

Di sebalik kejayaan dan pengaruh besar yang dimiliki, usahawan selebriti tempatan juga tidak terlepas daripada pengalaman misteri dan gangguan yang lazim dikaitkan dengan penyakit ain atau unsur sihir. Bukan sekadar keletihan atau stres perniagaan, apa yang mereka alami memberi kesan besar kepada kesihatan dan perjalanan hidup.



### Datuk Seri Aliff Syukri

Datuk Seri Aliff Syukri mencetuskan kekecohan apabila tubuhnya tiba-tiba menggeletar dan dipenuhi gegata semasa siaran langsung di TikTok. Keadaan itu menyebabkan beliau sukar tidur dan mengalami kesakitan teruk. Walaupun netizen mendakwa beliau terkena gangguan seperti jilat jin, Aliff menafikan ia gimik dan segera mendapatkan rawatan kecemasan. Beliau menegaskan situasi tersebut serius dan bukan untuk meraih perhatian.

### Uciluna

Usahawan dan pempengaruh Uciluna pula berkongsi pengalaman apabila tubuhnya menjadi kemerahan dan mata merah setiap kali melakukan siaran langsung yang meningkatkan jualan. Gangguan itu turut memberi kesan kepada anak-anaknya. Walaupun puncanya tidak diketahui, Uciluna menganggapnya sebagai ujian dalam dunia perniagaan dan bukan helah menarik perhatian.

### Haliza Maysuri

Penyanyi dan ahli perniagaan Haliza Maysuri turut mendedahkan dirinya pernah digangu unsur misteri sejak mulakan perniagaan. Antara kejadian yang dialami termasuk kehadiran ular hitam dan lipan bara di rumah, tanah kubur ditabur di hadapan butik dan air berbau kapur barus membasahi pintu kedainya. Beliau juga mengalami busung, mimpi ngeri dan kesakitan berlarutan tanpa penjelasan perubatan.

### Datuk Seri Vida

Datuk Seri Vida atau DSV pula berdepan detik cemas selepas mengalami pendarahan luar biasa sejurus pulang dari Semporna yang disangkanya berpunca daripada sihir. Beliau percaya dirinya terkena buatan orang selepas beberapa hari berasa lemah dan tidak bermaya. Vida menjalani rawatan Islamik menggunakan telur yang ditulis dengan ayat suci al Quran dan menafikan kejadian itu sebagai gimik atau strategi pemasaran. Beliau memohon doa agar kembali sihat sepenuhnya.

Selain usahawan selebriti, beberapa figura seni lain juga pernah menjadi mangsa gangguan sihir yang memberi kesan serius terhadap kesihatan dan kehidupan mereka.

Antaranya ialah Datuk David Teo yang mengalami gangguan tidur dan hilang semangat akibat santau lintah daripada ahli keluarga sendiri. Datuk Aishah pula menderita sejak remaja dengan simptom busung dan turun darah. Andi Bernadee menghadapi gangguan fizikal luar biasa seperti paku karat dalam tekak dan katak kering di rumah, hingga menjelaskan ingatan dan fokus. Manakala Shiha Zikir menyedari restorannya seolah-olah tertutup secara ghaib sebelum mendapatkan rawatan secara Islamik.

Kisah-kisah ini membuktikan bahawa gangguan sihir bukan hanya menimpah mereka yang bermiaga, malah sesiapa sahaja yang mungkin menjadi sasaran dengki dan niat tidak baik. - AMRI HASSAN

## Buli Sesama Pelajar, Biadab Pukul Guru Kerajaan Perlu Bertegas

Buli secara asasnya perbuatan perbuatan mengasari, mendera atau mempermainkan seseorang, terutamanya yang lemah, dengan tujuan menunjukkan kekuatan atau menguasai mereka dan dilakukan secara berulang kali. Masalah buli terutama di sekolah kini menjadi salah satu topik pemberitaan hangat apabila dilihat semakin kronik sehingga membabitkan kematian dan keberanian pelajar memukul guru. Berikut insiden buli terkini yang sedang mendapat perhatian dan semoga bertemu jalan penyelesaian terbaik buat semua pihak.



**Zara Qairina Jatuh Bangunan**

Zara Qairina disahkan meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth I, Kota Kinabalu pada 11 tengah hari, 17 Julai lepas, sehari selepas ditemukan dalam keadaan tidak sedarkan diri di dalam longkang berhampiran asrama sekolahnya di Papar pada 4 pagi, 16 Julai lepas.

Kematian pelajar berusia 13 tahun itu dikaitkan dengan kes buli sehingga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberi jaminan tindakan sewajarnya akan diambil berdasarkan kepada hasil siasatan polis berhubung insiden yang berlaku.

Setakat ini, polis telah mengambil keterangan kira-kira 60 saksi terdiri daripada pelajar, ibu bapa dan pihak sekolah selepas banyak pihak yang mendesak ingin mengetahui punca sebenar kematian gadis malang tersebut.



**Pelajar tumbuk guru**

Tindakan seorang pelajar lelaki berusia 14 tahun menumbuk gurunya di sebuah sekolah menengah membawa padah apabila dia dituduh mendarangkan kecederaan di Mahkamah Majistret pada 30 Julai lalu.

Mengikut pertuduhan, remaja itu didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap seorang guru lelaki berusia 29 tahun di sebuah sekolah menengah kira-kira jam 4.48 petang pada 28 Julai lalu.

Pertuduhan dikemukakan di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum satu tahun atau denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pelajar peralihan Tingkatan Satu itu membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan dibacakan dan prosiding tersebut dijalankan secara tertutup memandangkan tertuduh adalah pesalah bawah umur.



**Kes Buli MRSM**

Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) mempunyai serangkaian kes buli pada tahun ini yang amat dipandang serius oleh Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Asyraf Wajdi Dusuki.

Dengan tanda pagar #YouTouchYouGo, Asyraf mengambil tindakan tegas bukan hanya menggantung tetapi membuang sekolah pelajar yang terlibat dengan kes buli.

Antara yang terkini, enam pelajar Tingkatan Lima MRSM di Melaka telah digantung persekolahan dan berkemungkinan akan dibuang sekolah susulan penglibatan mereka dalam kes buli.

Pada April lalu, tujuh pelajar dari sebuah MRSM Seberang Perai Selatan turut dicadangkan untuk ditamatkan pengajian selepas terlibat dalam insiden buli yang tular di media sosial.

Terbaru, tujuh pelajar MRSM Besut ditahan polis bagi membantu siasatan kes buli di instansi berkenaan pada Jun. Enam daripada mereka telah dibuang serta-merta.  
- MALIAH SURIP

# GEMPAK SINEMA



Pengarah: Abid Hussain

Pelakon: Hilal Azman, Hisyam Hamid, Diana Danielle

Genre: Drama

Setelah seorang doktor disahkan menghidap Alzheimer tahap awal, anak lelakinya bergelut untuk kembali berhubung dengan menghidupkan memori lama. Namun mereka berdepan kesukaran untuk memulihkan masa lalu yang pahit.



Pengarah: Kriangkrai Monwichit

Pelakon: Kamonporn Sangwatcharasoontorn, Nattawut Sanyabut, Amadkuciasree Doloh

Genre: Komedi, Romantik

Perancangan perkahwinan Bak Kai, seorang lelaki Isan, dan Sofia, seorang wanita Islam dari Pattani, bukanlah sesuatu yang mudah buat mereka kerana berdepan perbezaan agama dan budaya. Apa yang lebih menguji mereka adalah apabila Bung Lee, abang kepada Sofia yang garang, nekad untuk menentang perkahwinan itu dengan apa cara sekali pun demi mendapatkan semula adiknya.



Pengarah: Wisnu Surya Pratama

Pelakon: Ersya Aurelia, Rachquel Nesia, Bukie B. Mansyur, Atiqah Hasiholan  
Genre: Seram

Rangkaspuna adalah sebuah kampung berhantu yang terkenal dengan amalan pengguguran bayi secara haram yang mengerikan. Kampung itu diketuai oleh paraji (bidan kampung) bernama Ni Itoh, yang percaya dengan mengorbankan bayi, dia dapat hidup lebih lama. Mayat-mayat bayi yang digugurkan menjadi korban membuatkan kampung itu diselubungi misteri dan ketakutan. Dikhabarkan sesiapa sahaja yang masuk ke kampung itu tidak dapat pulang melainkan mereka menyerahkan nyawa mereka kepada Ni Itoh.

## Aisha Retno Dominasi Carta GMW, Lagu Baru Siti Nurhaliza Curi Tumpuan!

Carta GMW minggu ini menyaksikan Aisha Retno terus mendominasi dengan video muzik Tak Adil kekal di tangga teratas, diikuti Imaginasi oleh Anwar Amzah dan Sesal nyanyian Datuk Seri Siti Nurhaliza yang kembali mencuri perhatian.

Dalam dunia hiburan digital, nama-nama seperti High Zoom, Foreppppp dan Aunty Nanoo menduduki carta teratas kategori Digital Creator (Entertainment), manakala Najiha Saha mengetuai carta Beauty & Fashion.

Untuk kategori sukan, Rose dan Ica mencuri tumpuan, manakala Alhisham mendahului senarai pencipta kandungan makanan minggu ini.

Drama Thariq Ridzuwan pula kekal sebagai naskhah paling hangat minggu ini, meninggalkan Abang Imam Minah Skuter dan Sekam Di Dada.

Lagu Seni Berdamai Dengan Takdir oleh Adnin Roslan dan Naim Daniel berjaya merampas kedudukan No.1 lagu trending, mengatasi kolaborasi emosional Bella Astillah dan Ade Govinda.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11.30 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi [www.gempakmostwantedawards.com](http://www.gempakmostwantedawards.com) bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

### TOP 5 Video Muzik Trending

1. Tak Adil - Aisha Retno
2. Imaginasi - Anwar Amzah
3. Sesal - Dato' Sri Siti Nurhaliza
4. Renjana - Shiha Zikir
5. MWA! - DOLLA

### TOP 5 Digital Creator Trending (Sports)


1. Rose
2. Ica
3. Achai
4. Fafau
5. Zeem Ahmad

### TOP 5 Drama Trending

1. Thariq Ridzuwan
2. Abang Imam Minah Skuter
3. Sekam Di Dada
4. Dia Bukan Syurga
5. Mandul Bukan Pilihan

### TOP 5 Lagu Trending

1. Seni Berdamai Dengan Takdir - Adnin Roslan ft Naim Daniel
2. Lebih Indah Berpisah - Bella Astillah & Ade Govinda
3. Tangisan Seorang Pendosa - Marsha Milan
4. Arah Cinta Sejati - Fadhilah Intan & Aina Abdul
5. Mona Lisa (Bang Bang) - ALPHA



# AME 2025 Kembali! 16 Kategori Dipertandingkan Termasuk Dua Baharu

Selepas tiga tahun, Anugerah MeleTOP ERA (AME) kembali dengan edisi ke-9 yang bakal berlangsung secara langsung dari Axiata Arena, Bukit Jalil pada 12 Oktober 2025, jam 9 malam.

Bertemakan ‘Yang Rare, Yang Real, Yang Legend’, acara ini menjanjikan malam penuh kejutan dan nostalgia bersama selebriti dan peminat.

Sebanyak 16 kategori dipertandingkan, termasuk dua kategori baharu: Vokal MeleTOP dan Gandingan MeleTOP. Tiga kategori utama turut diberi penjenamaan baharu:

MeleTOP Male Artiste of the Year

MeleTOP Female Artiste of the Year

MeleTOP Group/Duo Artiste of the Year

Pengacara malam anugerah ialah Nabil Ahmad, Namie, Hawa Rizwana dan Sherry Alhadad, dengan persembahan istimewa daripada artis seperti Nadeera Zaini, Ernie Zakri dan Mimi Fly.

Undian untuk kategori 1 hingga 13 dibuka dari 29 Julai (10 malam) hingga 31 Ogos 2025 (12 tengah hari) melalui [www.anugerahmeletopera.com](http://www.anugerahmeletopera.com).

Pengguna boleh log masuk menggunakan akaun Astro, Google, Apple atau Facebook, dan mendapat 30 kredit undian setiap hari, satu kategori sahaja sehari.


Tiga kategori utama akan diumumkan secara eksklusif pada malam anugerah.



Senarai penuh kategori AME 2025:

- Lagu MeleTOP ERA
- Penyanyi MeleTOP ERA
- Grup/Duo MeleTOP ERA
- Vokal MeleTOP (Baharu)
- Filem MeleTOP
- Drama MeleTOP
- Program MeleTOP
- Pelakon MeleTOP
- Gandingan MeleTOP (Baharu)
- Artis Baharu MeleTOP
- Si Cilik MeleTOP
- Artis Versatil MeleTOP
- Influencer MeleTOP
- MeleTOP Male Artiste of the Year (Diperbaharui)
- MeleTOP Female Artiste of the Year (Diperbaharui)
- MeleTOP Group/Duo Artiste of the Year (Diperbaharui)

Tonton siaran langsung AME 2025 di Astro Ria (saluran 104) atau strim melalui Astro GO dan sooka. Untuk maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi ERA.





## Sheila On 7 Kembali Ubati Rindu Peminat Di Malaysia Selepas 7 Tahun

Setelah tujuh tahun tidak membuat persembahan di Malaysia, kumpulan legenda Indonesia, Sheila On 7 kembali mengubat rindu peminat menerusi Latihan Pestapora Malaysia 2025 di Stadium Nasional Bukit Jalil, Sabtu lalu.

Festival muzik anjuran Hitman Group bersama Boss Creator itu menampilkan barisan artis hebat dari Malaysia dan Indonesia seperti Dolla, Bunkface, Pamungkas, Nadin Amizah dan Hindia sejak awal petang.

Kemunculan Sheila On 7 sekitar jam 10 malam mencetuskan sorakan gemuruh, dengan lagu pembukaan 'Betapa' yang menghangatkan suasana.

Selama 90 minit, mereka mempersembahkan 18 lagu ikonik termasuk Sephia dan Dan.

Ketika menyanyikan Sephia, vokalis Duta sempat turun ke kawasan penonton untuk berswafoto, mencetuskan jeritan histeria.

Duta turut berkongsi rasa terharu dapat kembali ke Kuala Lumpur selepas kali terakhir membuat persembahan pada 2018.

Katanya, Malaysia sentiasa memberi kenangan terindah dan mereka amat menghargai sokongan peminat tempatan.

Acara ditutup dengan Feel Koplo dan kemunculan khas Ari Lesmana yang menyanyikan lagu viral 'Mangu', menjadi antara detik paling menyentuh malam itu.



## Amin Abid

@aminxabid ✓

# Kereta Tercalar Atau Kemek? Buat Dekat Rumah Sahaja, Jimat Pun Jimat

Dalam situasi ekonomi semasa yang menuntut pengguna lebih bijak berbelanja, lebih-lebih lagi apabila berlaku keroskan kecil pada kenderaan anda seperti tercalar atau kemek. Jika hantar ke kedai mungkin akan memakan kos yang agak tinggi dan mengambil sedikit masa. Amin Othman dan Abid Othman, berkongsi panduan mudah membaki keroskan kecil tanpa perlu ke bengkel.

### Kenal Pasti Jenis Bumper

Langkah pertama adalah memeriksa material bumper kereta. Jika diperbuat daripada plastik, pembakaian DIY boleh dilakukan dengan lebih mudah menggunakan teknik pemanasan.

### Gunakan Air Panas Untuk Bahagian Kemek

Air panas membantu melonggarkan permukaan plastik pada bumper yang kemek. Dengan menuangkan air panas dan menekan dari bahagian dalam menggunakan kain, bentuk asal bumper boleh dipulihkan.

### Gosok Bahagian Yang Bercalar

Gunakan kertas pasir kasar (grit P120) untuk menggosok bahagian yang bercalar. Tujuannya ialah untuk meratakan permukaan sebelum disapu dengan sebarang lapisan penutup seperti putty.

### Sapukan Putty Untuk Permukaan Tidak Rata

Putty khas seperti jenis cermin digunakan bagi menutup kesan calar atau kemik yang telah diratakan. Campuran putty dan hardener akan mengeras dalam beberapa minit sebelum proses seterusnya.

### Lakukan Penggosokan Halus

Selepas putty kering, gosok semula menggunakan kertas pasir P120 untuk ratakan. Kemudian, gunakan grit P200 untuk memberikan permukaan yang lebih halus dan licin.

### Bersihkan Dengan Petrol

Permukaan yang telah digosok perlu dibersihkan menggunakan petrol. Ini bagi memastikan tiada habuk atau kotoran yang boleh mengganggu hasil semburan cat. Petrol juga mempercepatkan proses pengeringan.

### Sembur Cat Warna Asal

Cat semburan perlu disembur pada jarak sekitar satu kaki daripada permukaan. Semburan dilakukan secara berlapis (layering) dengan membiarkan setiap lapisan kering sebelum menyembur lapisan seterusnya. Ini membantu hasil semburan lebih rata dan kemas.

### Akhiri Dengan 2K Clear Coat

Semburkan 2K clear coat untuk memberikan kilauan serta perlindungan tambahan. Lapisan ini menjadikan permukaan lebih tahan lama dan menyerlah seperti hasil bengkel profesional. Jika dihantar ke bengkel, kos pembakaian mungkin boleh mencecah sehingga RM500.

Namun, dengan teknik yang betul dan bahan yang mudah didapati, proses ini boleh dilakukan sendiri dengan anggaran kos hanya sekitar RM200 hingga RM300 sahaja sekali gus menjimatkan masa dan wang.



## 9 Driving Mistakes That Could Cost You RM2,000

A recent reminder from Malaysian authorities highlights nine common driving mistakes that could lead to fines of up to RM2,000 or jail time.

These include offences like using your phone while driving, not wearing a seatbelt, parking irresponsibly, cutting queues, and running red lights.

Other mistakes such as speeding, driving without a licence or expired road tax, and illegal modifications can also land drivers in serious trouble.




## RM100 SARA: What You Can & Can't Buy

The RM100 SARA aid is meant to help low-income Malaysians buy essential daily items, but it can only be used at selected supermarkets like Mydin, Econsave, Lotus's, and a few others.

You can use it to buy food, drinks, toiletries, and basic household needs. However, you can't use it for tobacco, alcohol, lottery tickets, or non-essential items like electronics and prepaid top-ups.

Make sure to check where and how it can be spent to fully benefit from the aid.



## No Recycling, No License For Malls By 2026

Starting 2026, all shopping malls in Malaysia must provide proper recycling facilities or risk losing their business licences.

The government's directive is part of a push to improve waste management and promote environmental responsibility.

Malls that fail to comply may face closure, as the move aims to make recycling a basic requirement, not an option.

Read more at [www.rojakdaily.com](http://www.rojakdaily.com).